

Nama:

Tarikh:

BAHASA MELAYU TAHUN 5

TEMA 6: SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

UNIT 17: MESRA TEKNOLOGI

SP: 5.3.1 Memahami dan membina ayat tunggal dan ayat majmuk dengan peluasan subjek dan predikat dengan betul dalam pelbagai situasi.

Tajuk: Teknologi di Hujung Jari

Arahan: Baca dan rujuk buku teks halaman 132. Menyenaraikan dan membina ayat tunggal dan ayat majmuk dengan peluasan subjek dan predikat.

Encik Karim menggalakkan Azim dan Amira menggunakan kemudahan teknologi dalam perkhidmatan.

Situasi 1

Ayah: Hari ini, ayah akan memperkenalkan teknologi belian pantas dan cekap dengan menggunakan kios layan diri di restoran makanan ini.

Amira: Apakah keistimewaan kios layan diri ini kepada pelanggan, ayah?

Ayah: Kios canggih ini menggunakan kemudahan sistem pesanan elektronik. Pekerja memberitahu ayah bahawa mesin ini menggunakan teknologi telekomunikasi dan Internet.

Azim: Apakah yang akan ayah lakukan dengan kios layan diri itu?

Ayah: Ayah akan memesan makanan yang kita mahu dengan hanya menyentuh paparan skrin pada kios ini. Kemudian, kita perlu memasukkan nombor meja untuk penghantaran oleh pekerja. Seterusnya, kita boleh membayarnya secara kad kredit, kad debit atau e-dompot. Pembayaran tanpa tunai ini menjadikan perkhidmatan ini lebih pantas dan selamat.

Amira: Wah, kemudahan ini sangat bagus kerana kita tidak perlu beratur panjang lagi!



Situasi 2

Seterusnya, mereka ke Melaka Sentral. Melaka Sentral menyediakan kemudahan jualan tiket pengangkutan awam. Melaka Sentral ialah terminal bersepadu. Encik Karim menjelaskan sesuatu. Beliau akan membeli tiket bas di kios layan diri. Teknologi ini pantas dan cekap. Kios pintar ini menggunakan kemudahan sistem belian secara elektronik.

Encik Karim ingin menempah tiket. Beliau menyentuh paparan skrin pada kios. Kemudian, Encik Karim perlu memilih destinasi, tarikh dan masa. Encik Karim juga memilih jenama syarikat pengangkutan bas. Bayaran secara tunai boleh digunakan. Bayaran secara e-dompot juga boleh digunakan. Teknologi ini sangat sistematik. Pengguna dapat mengakses tiket dengan pantas.



Nama:

Tarikh:

Arahan: Seret jawapan yang betul mengikut kategori.

Encik Karim, isteri dan anak-anaknya hendak pergi ke Melaka Sentral.

Ayah memesan makanan di kiosk layan elektronik.

Teknologi kiosk layan diri ini sangat menarik.

Kemudahan ini sangat bagus kerana kita tidak perlu beratur panjang lagi.

1. Ayat tunggal dengan peluasan subjek:

2. Ayat tunggal dengan peluasan predikat:

3. Ayat majmuk dengan peluasan subjek:

4. Ayat majmuk dengan peluasan predikat:

Arahan: Padankan jawapan yang betul mengikut kategori.

Ayat tunggal dengan
peluasan subjek

Encik Karim ingin menempah
tiket bas ekspres.

Ayat tunggal dengan
peluasan predikat

Encik Karim menjelaskan
bahawa beliau akan membeli
tiket bas di kiosk layan diri di
Melaka Sentral.

Ayat majmuk dengan
peluasan subjek

Pembayaran tanpa tunai ini
menjadikan perkhidmatan ini
lebih cepat dan selamat.

Ayat majmuk dengan
peluasan predikat

Pengguna bas ekspres dapat
mengakses tiket bas di sini.